

saha
seka
ut,
s di
ah
ar
re
oj
ri

pesilat menangi dua emas lagi

B. Harian (M)

10 MAR 1990

MAZLAN SHAARI dan Ruzaidi Abdul Rahman memulihkan imej Malaysia apabila mengutip dua pingat emas setelah lima rakan lain kecundang di Pusat Belia, semalam.

Ruzaidi Abdul Rahman memenangi Kelas F dengan menumpaskan Drs Tony Widya dari Indonesia manakala Mazlan bertindak cemerlang untuk mengasak peserta tuan rumah, Abdul Aziz Tuah, bagi menjuarai Kelas I. *SUNAN MENDOKA*

Begitupun, sikap tidak melawan Abdul Aziz yang sering melarikan diri ke luar gelanggang menghampakan Mazlan kerana gagal melepaskan tendangan padu seperti kebiasaannya.

Sebelum itu, Zakaria Hamzah terpaksa akur dengan keputusan juri sekalipun menguasai pertarungan dengan pesilat Indonesia, Tatok Besar dalam kelas H.

Zaleha Suradi yang mengharap pingat emas peribadi dapat dicipta di Brunei terpaksa

mengakui keunggulan pesilat Thailand, Sopit Sirvisat. Zaleha cuma menguasai pusingan pertama sebelum Sopit mengesan kelemahannya untuk bertindak balas pada dua pusingan akhir bagi menjuarai Kelas E.

Sementara itu, sikap degil Ahmad Wardi Salim menghampakan negara bagi menambah bilangan pingat emas apabila tidak menghiraukan nasihat doktor supaya tidak meneruskan pertarungan berikutan kecederaan di bahagian muka.

Wardi mengalami kecederaan di muka setelah Rudi Hartono dari Indonesia melepaskan tumbukan kencang pada pusingan pertama hingga mengelupur di tengah gelanggang.

Doktor yang mengawasi perlawanan itu mengarahkan perlawanan diberhentikan dan kemenangan berpihak kepada Wardi yang berlumuran darah.

Sikap degil Wardi untuk meneruskan pertarungan, akhirnya memerangkap diri sendiri.